



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 9 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAFI BAKAL LANJAR DAN 2.0 KUKUHKAN SEKURITI MAKANAN NEGARA, HM -ONLINE PENJUAL DAGING INGKAR HARGA SILING SEDIA KE MAHKAMAH, NASIONAL, BH -8 KADAR IMPORT BERAS KEKAL 30 PERATUS, NASIONAL, BH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6.	SELUDUP 13 LEMBU DARI THAILAND GUNA PERAHU, LOKAL, HM -18 13 EKOR LEMBU SELUDUP DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -10 PGA RAMPAS 13 LEMBU CUBA DISELUDUP, NASIONAL, BH -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8.	FAMA JUAL RM58 SEKILOGRAM IKUT BAHAGIAN, NASIONAL, BH -8 BARANG KEPERLUAN MENCUKUPI, NEGERI KEDAH, SINAR AHAD -28	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	RACUN KIMIA MESRA ALAM, XPRESI, METRO AHAD -37	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Mafi bakal lanjar DAN 2.0 kukuhkan sekuriti makanan negara



Nazarali Saeril, Amir Abd Hamid, Muhamaad Razis Ismail, Muhammad Saufi Hassan dan Nurul Husna Mahmud

Kuala Lumpur: Pelbagai usaha dibuat bagi mengukuhkan sekuriti makanan negara sekali gus meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Global Food Security Index (GFSI).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bakal melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang sedang dalam proses penggubalan akhir.

Menurutnya, menerusi DAN 2.0, Mafi akan menyusun semula keutamaan dalam menggerakkan teras utama bagi memperkasakan sektor pertanian dan industri makanan melalui kerangka yang bertunjangkan prinsip yang spesifik.

"Prinsip spesifik itu adalah memacu sektor agromakanan agar berdaya saing tinggi dan inovatif.

"Memastikan kebajikan petani, nelayan dan penternak terus dibela. Menjamin pengeluaran makanan yang mampan bagi padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan, dan perikanan," katanya mengenai isu sekuriti makanan.

Bermula 2 Mei lalu, laporan khas bersiri isu sekuriti makanan negara disiarkan Harian Metro yang mendedahkan pengimportan makanan negara dalam lima tahun naik 22.3 peratus iaitu kepada RM55.4 bilion pada 2020 berbanding RM45.3 bilion pada 2015.

Untuk rekod kedudukan GFSI ranking Malaysia pada 2020, berada di tempat ke-43 daripada 113 negara, ia jatuh berbanding kedudukan ke-28 pada 2019.

Tahun lalu, Finland, Ireland dan Belanda berada di tiga tempat teratas dalam petunjuk prestasi sekuriti makanan itu.

Ronald berkata, kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin amat komited dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambahkan lagi usaha bagi meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.

"Kerajaan mengutamakan agenda sekuriti makanan dalam memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin dalam apa jua keadaan, khususnya ketika negara berhadapan dengan pandemik Covid-19 seperti yang dialami sekarang.

"Pengeluaran produktiviti beras tempatan juga akan ditingkatkan bagi mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) sehingga 75% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) sekaligus bagi menangani kebergantungan terhadap import makanan.

"Mafi juga akan meningkatkan stokpail beras negara secara berperingkat bagi tujuan sekuriti bekalan makanan negara," katanya.

Menurutnya, usaha untuk memastikan kestabilan bekaln import makanan itu akan diterjemah menerusi kerjasama dalam bidang diplomasi makanan secara tersasar mengikut negara sumber import yang berpotensi.

"Antaranya seperti kerjasama strategik di bawah Rizab Beras Kecemasan Asean+3 (APTERR) untuk menjamin keselamatan dan bekaln makanan yang berterusan kepada rakyat," katanya.

Penjual daging ingkar harga siling sedia ke mahkamah

Dakwa terpaksa jual mahal ikut harga pasaran untuk tampung kos

Oleh Suzalina Hadid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanyakan peniaga daging tempatan kini menjual barangan keperluan terbahit mengikut harga pasaran, melebihi paras siling ditetapkan kerajaan menerusi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021. Kebanyakan peniaga dikatakan menjual daging tempatan pada harga antara RM38 hingga RM42 sekilogram (kg), berbanding RM34/kg seperti ditetapkan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam SHMMP.

Malah, peniaga daging terbabit sedia ke mahkamah jika dikenakan tindakan oleh KPDNHEP kerana melanggar skim harga maksimum itu.

Pengerusi Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), Nordin Mat, mendakwa ramai peniaga nekad menjual mengikut harga pasaran, melebihi paras siling SHMMP kerana kos tinggi yang ditanggung mereka.

"Kami nekad tidak akan ikut harga RM34 (ditetapkan dalam SHMMP) sebab memang tidak boleh tampung kos. Jika dikenakan tindakan, kami akan bawa ke muka pengadilan. "Kami dimaklumkan ada pe-

niaga sudah dikenakan amaran kerana melanggar harga siling ditetapkan.

"Kami sudah menubuhkan Sekretariat Bangsa Penternak untuk membantu golongan peniaga daging dan penternak jika ada yang dikenakan tindakan oleh KPDNHEP," katanya kepada BH, semalam.

Nordin mendakwa, harga RM34 yang ditetapkan kerajaan menerusi SHMMP menyebabkan golongan penternak dan peniaga daging terpaksa menanggung kerugian.

"Sekarang harga paling bersesuaian ialah RM38 hingga RM42 sekilogram, harga kos adalah lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan.

"Sehubungan itu, kami minta kerajaan naikkan harga siling

pada kadar sepatutnya kerana ia memberi masalah besar buat kami," katanya.

Justeru itu, Nordin berkata, pihaknya juga sudah menyerahkan memorandum kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAPI) dan KPDNHEP berhubung perkara itu.

Beliau berkata, bagi penternak lembu, kos paling tinggi adalah membabitkan makanan yang merangkumi sebanyak 75 peratus.

Sehubungan itu, katanya, ramai peniaga daging kini terpaksa menjual pada harga melebihi SHMMP bagi mengelak menampung kerugian.

Nordin berkata, bagi penguasaan sepanjang Ramadan, penghasilan terhadap bekalan daging lembu melonjak kepada lebih 10,000 tan.

Beliau berkata, secara keseluruhan GTR menghasilkan sekitar 30 hingga 40 tan bekalan daging tempatan setahun.



Nordin Mat

FAMA jual RM58 sekilogram ikut bahagian

Yan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah, antara pembekal utama di Kedah menjual daging lembu tempatan sehingga RM58 sekilogram mengikut bahagian.

Harga itu ditetapkan oleh kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn Bhd dan dipersetujui FAMA walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menetapkan harga siling daglog lembu tempatan ialah RM34 mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2021.

Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah, berkata harga daging tempatan tidak melebihi RM35 sekilogram (kg) tetapi bagi daging harimau menangis (bahagian dalam paha belakang lembu) harganya RM58 sekilogram manakala daging batang pinang pula RM42 sekilogram.

"Bagi tulang campuran pula harganya adalah RM32 sekilogram, jantung RM25, hati RM23, lampa dan paru RM33, perut RM25, tetel RM20 serta ekor pula RM37 sekilogram.

"Bagi harga tulang kaki pula, ia dijual dengan harga RM45 seunit manakala kepala RM60 seunit," katanya.

Beliau berkata FAMA Kedah memberi jaminan bekalan barangan keperluan bagi perayaan Aidilfitri di negeri ini mencukupi.

Beliau berkata, pihaknya turut



Isa (kanan) mengiringi Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim menyampaikan sumbangan kepada Wan Ahmad Wan Ismail pada Majlis Jualan Pra-Syawal di Pasar Tani Kekal Guar Chempedak, semalam. (Foto BERNAMA)

menawarkan harga berpatutan di 185 outlet FAMA dengan bilangan peserta (peniaga) seramai 1,024 orang di seluruh negeri.

"Di Kedah kita mempunyai sebanyak empat Pasar Tani Kekal (PTK) dan 15 Pasar Tani, orang ramai boleh mendapatkan bahan mentah seperti ayam, daging, ke-

lapa dan sayur-sayuran segar dengan harga yang tidak melebihi harga siling ditetapkan kerajaan.

"Bagaimanapun di negeri ini harga ayam kita boleh dapat dengan lebih murah berbanding harga ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-

NHEP) iaitu RM7.90 sekilogram berikutan Kedah mempunyai sebuah syarikat yang menjadi antara pengeluar ayam terbesar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Program Jualan Pra-Syawal di PTK Guar Chempedak, di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

Kadar import beras kekal 30 peratus

Kuala Terengganu: Kerajaan mengekalkan kadar import beras 30 peratus untuk menampung keperluan rakyat sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan COVID-19 melalui Mac tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata pengkalan kadar import beras itu membuktikan kerajaan dapat mengimbangi ekonomi dan ke-

perluan rakyat walaupun negara berdepan penularan pandemik COVID-19.

Katanya, kebenaran penggerak industri sektor pertanian beroperasi sepanjang tempoh PKP membolehkan kerajaan mengekalkan kadar import beras dengan konsisten.

“Walaupun PKP dikuatkuasakan semula di beberapa negeri dan daerah berikutan penularan COVID-19, tumpuan utama utama kerajaan adalah memastikan

bekalan makanan mencukupi untuk menampung keperluan rakyat.

“Rakyat yang tinggal dalam kawasan pelaksanaan PKP tidak perlu bimbang kerana kerajaan akan memastikan bekalan tidak akan berkurangan, terutama bimbingan keperluan berasaskan pertanian,” katanya kepada pementakan selepas melancarkan lawatan kerja ke kilang Ziq Bakery @ Cake di Chendering, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah FA-MA negeri, Che Ghani Che Wan dan Pengarah Urusan Ziq Bakery @ Cake, Badrulhisham Zaki.

Che Abdullah meminta rakyat tidak risau mengenai bekalan makanan dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti ditetapkan kerajaan bagi membendung penularan COVID-19.

“Kerajaan akan sentiasa berusaha memastikan keperluan rakyat mencukupi,” katanya.

Seludup 13 lembu dari Thailand guna perahu

Kota Bharu: Ekoran permintaan daging yang tinggi, sekumpulan lelaki menyeludup masuk 13 ekor lembu bernilai RM91,000 dari Thailand menggunakan perahu menyeberangi Sungai Golok di pangkalan haram Mek Gombak, Rantau Panjang, Pasir Mas, dekat sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Medan Batalion Ke-7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) Superintendent Azhari Nusi berkata hasil maklumat yang diterima sepasukan anggota Strike Force PGA7 membuat pemerhatian awal di tebing Sungai Golok berhampiran pangkalan haram Mek Gombak pada kira-kira 10.30 pagi.

"Hasil pemerhatian ang-



Lelaki tidak dikenali mengheret lembu menggunakan perahu menyeberangi Sungai Golok dari sebelah sempadan Thailand ke Malaysia"

Azhari

gota bertugas mendapati beberapa lelaki yang tidak dikenali mengheret beberapa ekor lembu menggunakan perahu menyeberangi Sungai Golok dari sebelah sempadan Thailand ke Malaysia.

"Seterusnya anggota

PGA7, kumpulan lelaki yang sedang mengheret lembu tersebut bertindak melarikan diri di kawasan semak berhampiran dengan melepaskan tali yang terikat pada lembu.

Azhari berkata, pasukan Strike Force cuba mengejar, tetapi tidak berjaya mengesan kumpulan lelaki tersebut yang disyaki sudah menghilangkan diri ke dalam hutan.

"Hasil pemeriksaan di kawasan semak berhampiran, pihak PGA7 menemukan 13 ekor lembu. Pasukan serbuan menunggu selama 30 minit di kawasan semalam berdekatan tetapi tiada individu datang menuntut lembu-lembu tersebut.

"Difahamkan, semua

lembu itu diseludup masuk ekoran permintaan yang tinggi di sini terhadap daging lembu pada bulan Ramadan selain harga daging yang meningkat tinggi sekarang," katanya.

Menurutnya, ekoran kejadian itu pihak PGA7 bertindak merampas kesemua lembu tersebut dan membuat laporan polis di Balai Polis Jeram Perdah untuk tindakan agensi yang berkaitan.

"Kesemua lembu yang dirampas dihantar ke Stesen Kuarantin Haiwan Rantau Panjang untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen (11) (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Magsis) 2011," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2021	KOSMO	NEGARA	10



SALAH seekor lembu yang dirampas oleh PGA dalam serbuan di pangkalan haram Mek Gombak, Rantau Panjang kelmarin. - IHSAN PGA

13 ekor lembu seludup dirampas

RANTAU PANJANG, – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 merampas sebanyak 13 ekor lembu seludup bernilai RM91,000 yang dipercayai untuk dijual sempena Aidilfitri di negeri ini di pangkalan haram Mek Gombak di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, rampasan itu dilakukan oleh anggota PGA ketika menjalankan rutin rondaan di sekitar kawasan itu pada pukul 10.30 malam.

Menurutnya, semasa melakukan rondaan, anggota PGA melihat sekumpulan lelaki sedang mengheret beberapa ekor lembu di kawasan berkenaan.

"Sebelum itu, lembu-lembu tersebut dipercayai dibawa menyeberangi Sungai Golok dari

negara jiran ke negara ini dengan menggunakan perahu.

"Anggota PGA telah ekori suspek yang heret lembu ke dalam hutan berhampiran," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azhari berkata, apabila menyedari kehadiran anggota PGA, mereka (suspek) terus lari tanpa jejak dan meninggalkan lembu-lembu itu di kawasan berkenaan.

Kata beliau, pemeriksaan di kawasan semak telah menjumpai sebanyak 13 ekor lembu yang dipercayai telah diseludup dari negara jiran untuk keperluan Aidilfitri ini.

Tambah Azhari, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen (11) (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

PGA rampas 13 lembu cuba diseludup

Kota Bharu: Sekumpulan lelaki menggunakan taktik mengheret 13 lembu menggunakan perahu untuk menyeludup haiwan terbabit menyeberangi Sungai Golok menerusi pangkalan haram Mek Gombak dekat Rantau Panjang, semalam.

Bagaimanapun taktik mereka dikesan Pasukan Gerakan Am (PGA) yang membuat pemantauan di Sungai Golok berhampiran pangkalan haram terbabit.

Pegawai Pemerintah Medan Batalion Ke-7 PGA (PGA7), Superintendan Azhari Nusi, berkata hasil maklumat diterima, anggota Strike Force PGA7 membuat pemerhatian di tebing Sungai Golok berhampiran pangkalan haram Mek Gombak pada jam 10.30 pagi.

"Menyedari kehadiran pasukan PGA7, kumpulan lelaki terbabit bertindak melarikan diri di kawasan semak berhampiran dengan melepaskan tali mengikat lembu dan menghilangkan diri ke dalam hutan.

"Hasil pemeriksaan di kawasan semak berhampiran, pihak PGA7 menemui 13 lembu. Selepas menunggu selama 30 minit, tiada individu datang menuntut lembu berkenaan," katanya.

Azhari berkata, pihaknya merampas semua lembu terbabit dan membuat laporan polis di Balai Polis Jeram Perdah untuk tindakan agensi yang berkaitan.

Katanya, semua lembu terbabit dianggarkan bernilai RM91,000 itu dan diseludup masuk kerana daging tempatan mendapat permintaan tinggi.

Barang keperluan mencukupi

Orang ramai tidak perlu buat pembelian panik untuk sambut Aidilfitri

Oleh WAN MOHD NOOR
 HAFIZ WAN MANSOR

YAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasihatkan orang ramai tidak melakukan pembelian panik bagi persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri kerana bekalan keperluan mencukupi.

Pengarah FAMA Kedah, Isa Hamzah berkata, orang ramai boleh membeli keperluan seperti ayam, daging, santan, sayuran dan banyak lagi di empat pasar tani kekal (PTK) dan 15 pasar tani di seluruh negeri ini.

Menurutnya, kesemua



Isa (tengah) mengiringi Awang (dua dari kiri) melawat premis pada program Jualan Pra-Syawal di PTK Guar Chempedak di Yan pada Sabtu.

Sementara itu, Isa berkata, bagi harga daging tempatan pula, ia dijual berdasarkan bahagian lembu bermula RM20 hingga RM58 sekilogram.

Jelasnya, harga-harga daging tempatan ini telah ditetapkan oleh Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn Bhd dan dipersetujui FAMA.

"Harga daging tempatan yang dijual tidak melebihi RM35 sekilogram, daging harimau menangis harganya RM58 sekilogram dan batang pinang pula RM42 sekilogram.

"Bagi tulang campuran pula harganya adalah RM32 sekilogram, jantung RM25 sekilogram, hati RM28 sekilogram, limpa dan paru RM33 sekilogram, perut RM25 sekilogram, tetel RM20 sekilogram serta ekor pula RM37 sekilogram," katanya.

Tambahnya, harga tulang kaki pula dijual pada harga RM45 seunit manakala kepala RM60 seunit.

"Bagi harga ayam di negeri ini, kita boleh dapat dengan harga yang lebih murah berbanding harga ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ertwal Penggunaan (KPDNHEP) iaitu RM7.90 sekilogram (kg) kerana terdapat sebuah syarikat yang menjadi antara pengeluar ayam terbesar di Kedah," ujarnya.

Chempedak di sini pada Sabtu. Program tersebut dirasmikan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim dan turut dihadiri Ahli Parlimen Jerai, Sabri Aziz.

Isa berkata, pihaknya menawarkan harga yang berpatutan di 185 premis yang disediakan membabitkan penyertaan seramai 1,024 peserta.

barang keperluan itu dijual pada harga yang tidak melebihi harga siling ditetapkan oleh kerajaan.

"Kami juga menasihatkan pengguna agar tidak membuat pembelian di saat-saat terakhir kerana perlu untuk mengelak penuliran Covid-19 menjelang Aidilfitri nanti," katanya ditemui selepas program Jualan Pra-Syawal PTK Guar

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2021	METRO AHAD	XPRESI	37



Siti Noor Atshikin bersama racun kimia Biopestisid Multi Virus



TEKNOLOGI Biopestisid Multi Virus yang dieksportkan bersempena dengan projek sukatan kesihatan



ANTARA pencapaian yang diterima menerusi penganugerahan teknologi berkenaan.

hanya mampu mengawal satu jenis serangga perosak," katanya. Katanya, biopestisid multi virus sudah diuji keberkesanannya di lapangan selama lima tahun dan mendapati tahap keberkesanannya mengawal serangga perosak berkadar sama dengan teknologi biopestisid yang ada di pasaran iaitu mampu mengawal antara 56 hingga 86 peratus. Selain itu, penggunaan biopestisid multi virus ini tidak menjejaskan populasi serangga bermanfaat seperti parasitoid. "Penggunaan teknologi ini boleh digunakan untuk aktiviti pertanian bandar yang ketika ini ramai orang mula mencobanya untuk menanam sayur-sayuran berkenaan bagi kegunaan sendiri. "Bagi pekebun yang mengusahakan tanaman berskala besar pula, ia dapat membantu mengurangkan penggunaan racun kimia yang tidak terkawal turut boleh membina kerintangan atau kekebalan serangga perosak terhadap racun kimia itu sendiri," katanya. Katanya, apabila berlaku kerintangan atau kekebalan serangga perosak terhadap racun kimia, petani perlu menambah lebih banyak penggunaan racun kimia yang akhirnya memberi kesan kepada kos pengeluaran sayur-sayuran menjadi lebih tinggi. Katanya, bagi menggunakan biopestisid ini sebanyak 10gram biopestisid multi virus dilarutkan ke dalam 10 liter air. "Larutan biopestisid boleh dicampur dengan agen pelekat. Kemudian, larutan biopestisid multi virus disemur di permukaan atas dan bawah daun sayur-sayuran krusifer. "Semburan biopestisid ini disaran dilakukan pada sebelah petang. Jika hujan, semburan Biopestisid Multi Virus perlu dituang semula. Kematian larva mula kelihatan seawal hari ketiga selepas semburan," katanya. Katanya, ketika ini hasil kajian yang dilakukan sudah berada di peringkat akhir dan dalam proses runding cara dengan pihak yang berminat untuk tujuan komersial.

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

RACUN KIMIA MESRA ALAM

Kubis bulat atau nama saintifiknya Brassica oleraceae antara sayur krusifer daripada keluarga Brassicaceae yang popular ditanam kebanyakan petani di tanah tinggi Malaysia seperti di Cameron Highlands, Pahang.

Malah, kubis bulat juga mendapat permintaan tinggi di pasaran kerana ia mempunyai pelbagai khasiat dan kaya dengan vitamin C, K, B6, B9 dan zat mineral seperti mangan serta kalsium untuk manfaat penggunaannya.

Namun, dalam mengusahakan kubis bulat terdapat cabaran tersendiri terutama serangan makhluk perosak.

Antara perosak utama tanaman ini adalah serangga perosak Order Lepidoptera (jenis rama-rama), ulat ratus (Spodoptera litura), ulat plutella (Plutella xylostella), ulat jatur (Heliothis undalis) dan ulat jantung kubis (Crocidolomia pavonana).

Serangan serangga perosak ini boleh menyebabkan kerosakan pada hasil sayur krusifer antara 26 hingga 100 peratus jika tiada langkah pengawalan dilakukan.

Oleh itu, penggunaan racun kimia dilihat langkah berkesan bagi memadamkan serangga perosak dapat dikurangkan atau dihindarkan bagi

Penggunaan teknologi Biopestisid Multi Virus tidak jejas populasi serangga bermanfaat



PENGUNAAN racun untuk membolehkan masalah serangan serangga perosak seperti kubis perlu dilakukan dengan betul.



ULAT Plutella yang menjajuk kubis sebagai makanan



KEADAAN kubis yang rosak teruk akibat serangan ulat jantung kubis

menghasilkan kualiti tanaman kubis yang lebih baik.

Pegawai Penyelidik Kanan dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Siti Noor Atshikin Abdul Hamid berkata, penggunaan racun kimia yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kesan buruk kepada ekosistem tanaman dan petani itu sendiri.

"Selain mencemarkan alam sekitar, penggunaan racun kimia secara berlebihan boleh menyebabkan tinggalan residu atau sisa racun pada sayur-sayuran, membunuh serangga bermanfaat seperti lebah, kelulut dan parasitoid serta mengganggu keseimbangan ekosistem," katanya.

Sehubungan itu, Mardi giat menghasilkan teknologi yang mesra alam seperti teknologi agen kawalan biologi dan biopestisid bagi membantu petani mengatasi cabaran serangan serangga perosak.

"Terkini, rakan penyelidik dan saya sudah menghasilkan teknologi Biopestisid Multi Virus bagi mengawal perosak Lepidoptera sayur krusifer seperti kubis, sawi dan kailan yang kebiasaannya diserang keempat-empat serangga perosak berkenaan.

"Menerusi kajian yang dijalankan sejak 2013, kami meluaskan kesannya kepada empat serangga perosak Lepidoptera sayur krusifer yang lain berbanding teknologi biopestisid sebelum ini